

BAB 4

Taukid Dengan Partikel Dalam Surah al-Baqarah

4.0 Pendahuluan

Dalam bab sebelum ini telah dijelaskan tentang *uslūb* pengulangan, jenis-jenis, fungsi dan penggunaannya dalam struktur bahasa Arab yang merupakan terjemahan dari gaya ungkapan bahasa al-Qur'an. Dan juga telah didedahkan tentang cara al-Qur'an menyampaikan mesej yang mengandungi rangsangan, motivasi, ancaman dan sebagainya dengan menggunakan *uslūb* pengulangan yang sungguh teratur, tepat, indah didengar dan mudah diujarkan. Justeru itulah *tatabahasa* yang berpandukan al-Qur'an merupakan *tatabahasa* yang utuh, mantap, konkrit dan boleh diterimapakai walaupun masa berganti, waktu berubah dan tempat berlainan. Oleh kerana yang demikian wajarlah bahasa al-Qur'an menjadi tumpuan para sarjana dan cendekiawan untuk mengkaji kandungannya dari segenap aspek, tetapi semakin dikoreksi dan diteliti maka akan tersalah dangkal pengetahuan yang dimiliki dan semakin banyak pula rahsia dalam al-Qur'an yang ingin diketahui. Inilah yang dinamakan dengan *i'jāz* (keistimewaan) dan *mu'jizāt* (anugerah Allah kepada para rasul yang tidak dapat ditiru oleh manusia).

Tatabahasa Arab juga perlu didalami secara formal untuk mengetahui konotasi maksud kandungan ujaran yang diujarkan, kerana dalam bahasa Arab banyak berlaku dimana makna ayat seolah-olah tidak berubah baik sebelum atau sesudah ayat itu diimbuhkan dengan partikel, sedangkan yang sebenarnya ujaran itu telah berlainan maksud dan tujuan. Hal ini pernah berlaku pada suatu ketika dahulu kepada seorang ahli falsafah ulung pada alaf

ke-3. Ahli falsafah ini dikenali dengan al-Kindiy (الْكِنْدِيُّ)⁽¹⁾ Beliau pernah meragui tentang kemurnian uslūb bahasa Arab, lalu diluahkan keraguannya itu kepada seorang ahli linguistik bahasa Arab iaitu Abū °Abbās al-Mubarrad.⁽²⁾

Dialog di antara mereka adalah seperti berikut :

Al-Kindiy : Tuan ! saya lihat berlaku penambahan yang tidak diperlukan dalam bahasa Arab (حَشْنٌ).

Abū °Abbās : Cuba tuan berikan contoh yang tuan maksudkan itu ?.

Al-Kindiy : Cuba tuan perhatikan ayat-ayat berikut, sama ada diimbuhkan dengan partikel atau tidak maknanya sama sahaja (tidak berubah), iaitu :

عَبْدُ اللَّهِ قَائِمٌ ، إِنَّ عَبْدَ اللَّهِ قَائِمٌ ، إِنَّ عَبْدَ اللَّهِ قَائِمٌ

Ketiga-tiga ayat ini mengandungi maksud yang sama iaitu memberi tahu tentang " °Abdullah berdiri ".

Abū °Abbās : Sebenarnya tuan, ketiga-tiga ayat itu tidak sama maksudnya.

— Ayat (عَبْدُ اللَّهِ قَائِمٌ) digunakan untuk penerima yang masih belum mempunyai maklumat (خَالِي الذَّهْنِ), ayat yang kedua (إِنَّ عَبْدَ اللَّهِ قَائِمٌ) digunakan untuk pendengar yang dalam keraguan (الْمُرْتَدَّدُ) dan ayat (إِنَّ عَبْدَ اللَّهِ لَقَائِمٌ) digunakan untuk penerima yang ingkar (الْمُنْكَرِ).

1. Abū Yusuf Ya°qūb bin Ishak. Ahli falsafah dan beliau juga cemerlang dalam ilmu matematik, logika, ilmu ukur, antropologi dan lain-lain. Hasil karya beliau setanding dengan karya Aristu.
2. Profesor bahasa Arab, pamidato dan sasterawan, banyak karya beliau tentang kesusasteraan.

Seterusnya Abū ʿAbbās menambah : Dalam bahasa Arab apabila berulang-ulang lafaz, tujuannya tidak sama. Maka Al-Kindiy tercengang, kaget dan taʿajjub dengan keterangan yang diberikan oleh Abū ʿAbbās itu. ⁽¹⁾

Bahasa Arab mendahului bahasa-bahasa lain dalam penggunaan uslūb pengukuhan, sebagaimana yang telah tercermin dalam peristiwa di atas tadi. Justeru itu dalam bahasa Arab apabila pengujar ingin memberi keyakinan atau untuk menghindar salah tanggapan pendengar terhadap ujaran yang diujarkan, pengujar boleh menggunakan uslūb pengukuhan atau mengimbuahkan ujaran dengan partikel tertentu, kerana pengimbuhan dengan partikel juga adalah sama dengan pengulangan ayat, seperti :

إِنَّ زَيْدًا نَاجِحٌ
(Sesungguhnya Zaid berjaya)

Ayat ini diimbuahkan dengan partikel (إِنَّ), dan maksudnya adalah sama dengan mengulang ayat dua kali, iaitu :

زَيْدٌ نَاجِحٌ ، زَيْدٌ نَاجِحٌ

Ini juga sebagai bukti bahawa bahasa Arab merupakan bahasa yang mempunyai uslūb yang unik, sehingga pengimbuhan dengan satu partikel boleh merubah makna dan sasaran penggunaannya.

1. Abū Bakr ʿAbd al-Qāhir bin ʿAbd al-Rahman bin Muhammad al-Jarjāniyy al-Nahwiyy, (Tanpa tarikh). Misr : Dalāʾil al-lʿjāz. Percetakan al-Sayyid Rasyīd Riḍā, hlm 242.

4.1 Taukīd dengan partikel

Kebanyakan buku-buku nahu Arab tidak membahas partikel pengukuhan dalam bab khusus tetapi masalah taukīd dengan partikel diterangkan dalam beberapa bab yang berasingan, ada yang terdapat dalam bab al-Kalām (بَابُ الْكَلَامِ), bab kata tugas (بَابُ التَّوَاسِيخِ) dan sebagainya. Hal ini berlaku adalah disebabkan partikel-partikel taukīd tidak sama di antara satu dengan yang lain, kerana ada yang terdiri dari huruf, kata nama dan kata kerja.

4.1.1 Definisi taukīd dengan partikel

Taukīd dengan partikel (التَّوَكِيدُ بِالْأَدَاةِ) ialah mengimbuahkan ayat dengan partikel tertentu mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan untuk tujuan pengukuhan.

Dari definisi di atas menunjukkan bahawa tidak semua partikel boleh dijadikan pengukuh, kerana partikel untuk pengukuhan mestilah terdiri daripada partikel tertentu dan harus pula memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan berdasar kepada penggunaan yang digunakan oleh al-Qur'an, hadith, dan diwān al-Arab (دِيْوَانُ الْعَرَبِ).

4.1.2 Partikel pengukuhan

Di atas tadi telah disentuh bahawa partikel adalah merupakan

sebahagian daripada alat untuk membentuk ayat pengukuhan. Dalam bahasa Arab terdapat beberapa partikel yang digunakan untuk tujuan pengukuhan. Di antara partikel yang selalu digunakan adalah seperti berikut :

إِنَّ، أَنْ، لَمْ، الْإِبْدَاءُ، أَلَا، أَمْ، هَاءُ التَّنْبِيهِ، كَانَ، لَكِنَّ،
لَيْتَ، لَعَلَّ، ضَمِيرُ الْفَصْلِ، قَدْ، سَيِّ، سَوْفَ، لَوْنُ التَّوَكُّيدِ،
لَمْ، لَنْ، مِنْ الزَّائِدَةِ، بَاءُ الزَّائِدَةِ

4.1.3 Jenis-jenis partikel

Berkaitan dengan partikel pengukuh, terdapat dua jenis partikel dalam bahasa Arab yang digunakan untuk penguat ujaran :

(i). Berfungsi dan bermakna

Partikel yang berfungsi dan bermakna ialah partikel yang diimbuhkan pada perkataan dan ia berfungsi untuk merubah baris atau bentuk fizikal perkataan yang diimbuhkannya serta mempunyai makna tersendiri dalam ayat, seperti firman Allah s.w.t :

فَإِنَّ اللَّهَ عَدُوٌّ لِلْكَافِرِينَ

Maksudnya " Kerana sesungguhnya Allah adalah musuh bagi orang-orang yang kafir ".⁽¹⁾

1. Surah al-Baqarah 2 : 98

menekankan bahawa Goa dan Melaka adalah pusat-pusat terpenting yang menjanjikan kejayaan penguasaan perdagangan di sebelah timur.

Peradaban Islam Melaka turut mendapat perhatian kerana dianggap sebagai kubu penting dalam usaha Portugal untuk menyekat kemaraan pengaruh Islam. Penguasaan ke atas Melaka bermatlamat untuk menjadikannya ibu pejabat penyebaran agama Kristian. Di samping itu, kejayaan menawan Melaka menjanjikan kemasyhuran kepada pihak Portugis sebagai kuasa kelautan pertama yang menewaskan sebuah empayar agung dan terbilang.

Namun, orang-orang Portugis hanya mampu bertahan selama lebih kurang satu abad lamanya. Ramai yang berpendapat bahawa kelemahan utama Portugis berpunca daripada sikap tidak mahu bertolak-ansur antara cita-cita perdagangan dan sentimen keagamaan mereka. Pentadbiran mereka di Melaka sering dilanda pelbagai masalah seperti kekejaman, korupsi, penyalahgunaan kuasa, rasuah, pertelingkahan pegawai-pegawai dan penentangan daripada pelbagai pihak luar. Bertepatan dengan pandangan yang disuarakan oleh Ibn Khaldun, faktor-faktor inilah akhirnya menyumbang kepada kekalahan Portugis di tangan Belanda.

NOTA Hujung

1. Semasa musim perdagangan berlangsung, Melaka akan memiliki kepadatan penduduk menjangkau seribu orang. Pentadbiran sebuah bandar metropolitan seperti Melaka memerlukan satu sistem pentadbiran yang amat canggih serta cekap.
2. Simao Botelho adalah salah seorang pegawai yang dedikasi yang jarang dapat ditemui di dalam sistem birokrasi Portugis di timur. Beliau telah dihantar oleh Governor Martin Alfonso de Sousa (1542-1545) untuk memulihkan sistem pungutan cukai pelabuhan (Whiteway, 1899:291). Di antara tahun 1511 dan 1543, satu semakan secara drastik telah dilakukan ke atas hasil kutipan dan duti kastam yang dianggap penyebab kepada kemerosotan perdagangan Melaka. Semasa bertugas sebagai Gabenor Melaka dari tahun 1544-1545, beliau telah berjaya memperbaiki keadaan. Berlaku pemulihan ke atas perdagangan tempatan dan kemerosotan perdagangan persendirian pegawai-pegawai Portugis. Hasil pendapatan dalam negeri meningkat kepada dua puluh tujuh ketiga puluh ribu *cruzados*. Namun, rasa tidak puas hati terhadap beliau menyaksikan penyingkiran beliau dari persada pentadbiran Melaka (Sar Desai, 1968:12).
3. Portugis telah mendirikan gudang-gudang dan kilang-kilang membuat mata wang dengan menggunakan logam timah bagi menampung matawang perak dan emas dari Eropah dan India. Penduduk-penduduk tempatan telah dipaksa menyerahkan mata wang Peradaban Islam Melaka untuk dileburkan semula bagi menempa mata wang baru Portugis. Pengisytiharan mata wang baru ini dibuat secara besar-besaran oleh seorang pegawai tinggi tentera Portugis dengan dihadiri oleh orang-orang kenamaan semua bangsa. Perarakan dibuat dengan menaiki gajah dan mata wang ditaburkan kepada rakyat di sepanjang jalan (Mohd. Kassim Hj. Ali, 1997:99).
4. Untuk mendapatkan gambaran lebih jelas mengenai pemerasan yang dilakukan terhadap pedagang-pedagang tempatan, lihat Meilink Roelofs, *Asian Trade and European Influence*, Netherlands : The Hague, 1962:169-169.

5. Jorge de Albuquerque, Kapten Melaka dari tahun 1514-1516 dan 1521-1525 merupakan sepupu Albuquerque. Sepupunya-sepupunya, Pero, pernah menjadi kapten di Ormuz dan Vicente di Melaka. Dom Garcia da Noronha yang mempunyai pertalian dengan Jorge, pernah menjadi Wizurai Portugis di India (1538-1540). Sementara itu, empat daripada dua puluh lima orang Kapten Melaka di antara tahun 1512-1560, adalah anak-anak Vasco da Gama (Macgregor, 1955:17-19).
6. Untuk mendapat ulasan lebih lanjut mengenai perlakuan kejam orang-orang Portugis terhadap penentangan orang-orang Islam, lihat C.R. Boxer , 1963:41-44).

sebelum dan sesudahnya. Perincian syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut :

(i). Ḍamīr al-Faṣl

Kata ganti nama boleh diistilahkan dengan Ḍamīr al-Faṣl apabila memenuhi syarat-syarat berikut :⁽¹⁾

- (a). Kata ganti nama nominatif berpisah
- (b). Bersesuaian dengan kata nama sebelumnya

Ḍamīr al-Faṣl dan kata nama sebelumnya mestilah bersesuaian dari segi tunggal, duaan dan jamak, bersesuaian dari segi kata ganti orang pertama, orang kedua dan orang ketiga. Kesesuaian ini merupakan syarat penting bagi Ḍamīr al-Faṣl kerana kata pengukuh adalah mengulang kata yang dikukuh.⁽²⁾

(ii). Kata nama sebelum Ḍamīr al-Faṣl

Kata nama sebelum Ḍamīr al-Faṣl atau diistilahkan dengan mua'kkad mestilah ma'rifat (kata khusus) yang terdiri dari kata nama nyata dan kata ganti nama.

(iii). Kata nama selepas Ḍamīr al-Faṣl

Kata nama yang berada selepas Ḍamīr al-Faṣl mestilah memenuhi

1. ^cAbbās Hasan , (Tanpa tarikh). Cairo : Al-Nahw al-Waṣī . Dār al-Ma'ārif. Juz 3, hlm 245
2. Ibid, Juz 3, hlm 247

syarat-syarat berikut :

(a). Predikat

Kata nama nyata selepas subjek boleh difleksikan dengan predikat dan sifat jika kedua-duanya terdiri dari kata nama nyata tetapi apabila subjek diimbuhkan dengan ḍamīr al-Faṣl, maka kata nama nyata selepas ḍamīr al-Faṣl hanya difleksikan dengan predikat sahaja,⁽¹⁾ seperti :

لَيْسَ الْمُخْسِنُ الْمُنَافِقُ بِإِحْسَانِهِ يَخْفَى أَمْرُهُ عَلَى النَّاسِ

Maksudnya : “ Bukan orang yang baik itu munafiq dengan kebajikan, menyembunyikan kegiatannya kepada manusia “.

Susunan ayat di atas mengelirukan pendengar tentang maksud sebenar pengujar, kekeliruan timbul disebabkan perkataan (الْمُنَافِقُ) boleh diiʿrābkan dengan sifat atau predikat, jika diiʿrāb dengan sifat kata kerja (يَخْفَى) adalah predikat kepada partikel laisa (لَيْسَ), bererti *kebaikan tetap ada bagi orang-orang munafiq*. Apabila perkataan (الْمُنَافِقُ) diiʿrābkan dengan predikat kepada partikel laisa (لَيْسَ) bererti ayat ini menafikan kebaikan bagi orang-orang munafiq. Mengikut tatabahasa Arab kedua-dua fleksi ini (predikat dan sifat) sama-sama boleh diterima. Tetapi apabila diimbuhkan ḍamīr al-Faṣl selepas (الْمُخْسِنُ), fleksi (الْمُنَافِقُ) hanya satu sahaja iaitu sebagai predikat kepada laisa.

1. Muṣṭafā al-Ghalāyīniyy, (Tanpa tarikh). Bairut : Jāmiʿ al-Durūs al-ʿArabiyyat . Al-Maktabat al-ʿAsriyyat. Juz 1, hlm 127

(b). Ma^crifaṭ (kata nama khusus)

Kata nama nyata selepas ḍamīr al-Faṣl hendaklah kata nama khusus kecuali ism al-Tafdīl (اِسْمُ التَّفْذِيلِ) ia boleh kata nama umum dengan syarat selepasnya diimbuhkan dengan partikel jar min (مِنْ).⁽¹⁾

Keperluan kepada kata nama khusus selepas ḍamīr al-Faṣl kerana mengikut kelaziman atau kebanyakan kata nama selepas ḍamīr al-Faṣl pada kebiasaan boleh difleksikan dengan sifat kepada kata nama sebelumnya.⁽²⁾

4.2.8.1 I^orāb ḍamīr al-Faṣl

Ḍamīr al-Faṣl adalah kata ganti nama nominatif berpisah tetapi dari segi fleksi adalah berlainan. Maka sebagai kesimpulan adalah seperti yang berikut :

(a). Partikel muhmal (حَرْفُ مُهْمَلٍ)

Ḍamīr al-Faṣl disamakan dengan partikel muhmal iaitu tidak ada fleksi dan makna dalam ayat. Kata nama selepas ḍamīr al-Faṣl difleksikan mengikut kedudukan dalam ayat,⁽³⁾ seperti :

مُحَمَّدٌ هُوَ الْخَارِسُ
(Muhammad pengawal)

1. Dr. ^oAzizah Fawwal Bābitiyy, 1992 . Bairut : Al-Mu^ojam al-Mufaṣṣal fī al-Nahw al-^oArabī. Dār al-Kutub al-^oIlmiyyat . Juz 1 , hlm 596
2. ^oAbbās Hasan, (Tanpa tarikh). Cairo : Al-Nahw al-Wāfī. Dār al-Ma^oārif. Juz 3, hlm 247
3. Dr. ^oAzizah Fawwal.op.cit. Juz 1, hlm 596

Perkataan (الْخَارِسُ) nominatif kerana menjadi predikat kepada subjek iaitu perkataan (مُحَمَّدٌ).

(b). Subjek kedua (مُبْتَدَأٌ ثَانٍ)

Ḍamīr al-Faṣl diiʿrābkan dengan subjek kedua, perkataan yang tersusun dari ḍamīr al-Faṣl dan perkataan selepasnya (جُمْلَةٌ مِنَ الْمُبْتَدَأِ الثَّانِي وَخَبَرُهُ) menjadi predikat kepada subjek pertama.

(c). Subjek dan taukid

Ḍamīr al-Faṣl difleksikan sebagai subjek dan taukid dengan syarat sebelumnya mestilah kata ganti nama,⁽¹⁾ seperti :

كُنْتُ أَنتَ الْمُخْلِصُ

(Engkau memang seorang yang ikhlas)

Ḍamīr al-Faṣl dalam ayat ini (أَنتَ) difleksi sebagai taukid lafaz kerana mengulang kata ganti nama bersambung (تَ), yang difleksikan dengan subjek sebagai mana yang telah dijelaskan di atas tadi.

Sebenarnya ḍamīr al-Faṣl walau bagaimana kedudukannya dalam ayat, maka ḍamīr ini bertujuan untuk pengukuhan.

1. ʿAbbās Hasan, (Tanpa tarikh). Cairo : Al-Nahw al-Wāfī. Dār al-Maʿārif. Juz 3, hlm 249

4.2.8.2 Ḍamīr al-Faṣl dalam surah al-Baqarah

Berdasarkan kepada keterangan-keterangan di atas, terdapat tiga bentuk struktur ayat yang menggunakan Ḍamīr al-Faṣl dalam surah al- Baqarah :

(a). Berada selepas ism isyārat

Uslūb pengukuhan dengan Ḍamīr al-Faṣl berada selepas ism isyārat (اِسْمُ الْاِشَارَةِ) yang berbentuk jamak iaitu (اُولَئِكَ), Di antara ayat-ayat yang menggunakan Ḍamīr al-Faṣl adalah seperti berikut :

Firman Allah s.w.t :

وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Maksudnya : " Dan merekalah orang-orang yang berjaya ".⁽¹⁾

Firman Allah s.w.t :

فَأُولَئِكَ هُمُ الْخَاسِرُونَ

Maksudnya : " Maka merekalah orang-orang yang rugi ".⁽²⁾

Kata ganti nama (هُمْ) dalam dua ayat di atas adalah Ḍamīr al-Faṣl kerana berada di antara dua kata nama khusus.⁽³⁾

1. Surah al-Baqarah 2 : 5

2. Ibid 2 : 121

3. Mahmud Sōfī, 1990. Bairut : I'rāb al-Qur'an wa Ṣarfuh wa Bayānuh. Dār al-Rasyīd. Juz 1, hlm 39 dan 252

(b). Selepas kata nama nyata

Di antara ayat-ayat yang berkaitan dengan perkara ini adalah seperti berikut :

Firman Allah s.w.t :

وَالْكَافِرُونَ هُمُ الظَّالِمُونَ

Maksudnya : “ Dan orang yang kafir, mereka itulah orang-orang yang zalim “. ⁽¹⁾

Ibnu Kathīr menjelaskan bahawa orang-orang zalim ialah orang-orang kafir. ⁽²⁾

Pendapat ini menunjukkan, bahawa kewujudan *ḍamīr al-Faṣl* adalah untuk menyakinkan pendengar bahawa orang-orang yang zalim ialah orang-orang kafir.

Al-Qurṭubīyy berpendapat bahawa ayat di atas adalah satu penegasan supaya umat Islam sanggup mengorbankan harta untuk memerangi orang-orang kafir. ⁽³⁾

Pendapat dua ahli tafsir di atas jelas menunjukkan bahawa kewujudan *ḍamīr al-Faṣl* dalam ayat tersebut bertujuan untuk pengukuhan.

1. Surah al-Baqarah 2 : 254

2. Isma‘īl bin Kathīr, (Tanpa tarikh). Cairo : Mukhtaṣar Ibnu Kathīr, (Ikhtisār wa taḥqīq Muhammad ‘Alī al-Ṣābūniyy). Dār al-Ṣābūniyy. Juz 1, hlm 227

3. Muḥammad bin Ahmad al-Qurṭubīyy, Bairut : Al-Jāmi‘ li Ahkām al-Qur’an . Dār al-Qalam. Juz 3, hlm 174

Firman Allah s.w.t :

قُلْ إِنَّ هُدَى اللَّهِ هُوَ الْهُدَى

Maksudnya : " Katakanlah (kepada mereka) : Sesungguhnya petunjuk Allah_ (agama Islam) itulah petunjuk yang benar ".⁽¹⁾

Difahami dari awal ayat ini bahawa orang-orang Yahudi dan Kristian mempunyai agama dan pegangan tetapi Allah tegaskan bahawa agama yang benar-benar betul, lengkap dan sempurna ialah agama Islam, perkara ini dapat diketahui kerana uslūb ayat di atas dikukuhkan dengan dua partikel taukīd iaitu (إِنَّ) dan ḍamīr al-Faṣl.⁽²⁾

(c). Selepas kata ganti nama

Terdapat dua jenis kata ganti nama yang dikukuhkan dengan ḍamīr al-Faṣl dalam surah al-Baqarah :

(1). Kata ganti nama orang kedua tunggal (ضَمِيرُ الْمُخَاطَبِ), seperti firman Allah s.w.t :

إِنَّكَ أَنتَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

Maksudnya : " Sesungguhnya engkau yang amat mendengar lagi amat mengetahui ".⁽³⁾

1. Surah al-Baqarah 2 : 120

2. Syihāb al-Dīn al-Sayyid Mahmud al-Alūsīyy, 1985. Bairut : Rūḥ al-Ma'ānī. Iḥyā' al-Turāth al-ʿArabī. Juz 1, hlm 371-372

3. Surah al-Baqarah 2 : 127

Kata ganti nama dalam ayat di atas difleksikan sebagai taukid dan damir al-Faṣl kerana memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh ahli nahu Arab.

(2). Kata ganti nama untuk orang ketiga tunggal (ضمير الغائب), seperti firman Allah s.w.t :

إِنَّهُ هُوَ التَّوَّابُ الرَّحِيمُ

Maksudnya : " Sesungguhnya Allah dialah yang amat penerima taubat lagi amat mengasihani ".⁽¹⁾

Kata ganti nama orang ketiga dalam ayat ini iaitu (هُوَ) difleksikan sebagai pengukuhan dan damir al-Faṣl.

Ayat ini berkaitan dengan kisah nabi Adam a.s sewaktu beliau melakukan kesalahan dalam syurga, nabi Adam a.s memohon kepada Allah s.w.t : " Jika aku bertaubat adakah engkau ampuni dosaku ya Allah! ", pinta beliau.⁽²⁾ Untuk membuktikan Allah maha pengampun dan pengasih, struktur ayat dikukuhkan dengan dua partikel taukid iaitu (إِنَّ) dan damir al-Faṣl (هُوَ).

4.2.9 Yā' al-Nidā' (يَا النداء)

Ada beberapa partikel nidā' (seru) yang digunakan dalam bahasa Arab tetapi dalam al-Qur'an partikel nidā' yang digunakan hanya satu sahaja iaitu yā' (يَا).

1. Surah al-Baqarah 2 : 37

2. Muhammad bin Ahmad al-Qurtubiyy, 1952, Bairut : Al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'an, Dār al-Qalam. Juz 2, hlm 126

Al-Zamakhshariyy berpendapat apabila partikel yā' digunakan untuk memanggil orang yang dekat, tujuannya adalah untuk pengukuhan dan ayat selepas partikel yā' perlu diambil perhatian dengan serius,⁽¹⁾ seperti firman Allah s.w.t :

قَالَ يٰٓاٰدَمُ اٰتِھُمْ بِاَسْمَآئِھِمْ

Maksudnya : " Allah befirman : Wahai Adam! Terangkanlah nama benda-benda ini semua kepada mereka (malaikat)".⁽²⁾

Dalam ayat ini Allah memanggil nabi Adam a.s sedangkan nabi Adam berdepan dengan Allah s.w.t, keadaan seperti ini menunjukkan partikel yā' al-Nidā' adalah untuk pengukuhan dan kandungan ayat selepasnya perlu diambil perhatian oleh malaikat.

Al-Baidāwiyy juga berpendapat bahawa yā' al-Nida' bertujuan untuk pengukuhan sebab setiap kali Allah menyeru hambanya, bererti ia akan memberi suatu perkara yang amat besar yang perlu diambil perhatian, sedangkan hambanya lalai tentang perkara yang hendak diberitahu-Nya itu, oleh yang demikian perkara itu perlu kepada pengukuhan.

Sebenarnya realiti yang berlaku di kalangan masyarakat Arab bahawa partikel yā' al-Nidā' boleh digunakan untuk memanggil orang yang jauh, sederhana jauh dan dekat. Ayat selepas partikel yā' al-Nidā' adakala mengandungi unsur-unsur penting dan sebaliknya, seperti :

-
1. Abū al-Qāsim Jārullah Muhammad bin 'Umar al-Zamakhshariyy. (Tanpa tarikh). Bairut : Al-Kasasyāf, Dār al-Fikr. Juz 1, hlm 228
 2. Surah al-Baqarah 2 : 33
 3. Abū Sa'īd Abdullah 'Umar bin Muhammad al-Syairaziyy al-Baidāwiyy, 1988. Bairut : Tafsīr al-Baidāwiyy. Dār al-Kutub al-'Imiyyat, Jld 1, hlm 52

يَا عَلِيُّ هَذَا شَايَ

(Wahai 'Ali ini air teh)

يَا عَلِيُّ لَا تَلْعَبُ بِالنَّارِ

(Wahai 'Ali jangan main api)

Dua ayat di atas boleh digunakan untuk panggilan dekat, sederhana dekat dan jauh jarak di antara pemanggil dengan yang dipanggil. Ayat selepas yā' al-Nidā' dalam ayat yang pertama tidak begitu penting tetapi dalam ayat yang kedua memang perlu diambil perhatian.

Setelah penulis meneliti bahawa yā' al-Nidā' dalam al-Qur'an bertujuan untuk pengukuhan tetapi dalam komunikasi biasa yā' al-Nidā' adalah sebagai partikel seruan sahaja.

4.2.10 Hā' al-Tanbīh (هَاءُ التَّنْبِيْهِ)

Hā' al-Tanbīh diimbuhkan pada kata nama penunjuk (اِسْمُ الْاِشَارَةِ) dan pada perkataan (اِيْ).⁽¹⁾ Yang dibincangkan di sini ialah hā' al-Tanbīh yang bersambung dengan (اِيْ), seperti (يَا اِيْهَا).

Sībawaih berpendapat bahawa pengimbuhan hā' al-Tanbīh pada (اِيْ) adalah untuk pengukuhan kerana kewujudannya seolah-olah mengulang partikel yā' dua kali.⁽²⁾

-
1. Al-Qāsim bin al-Husain al-Khawarizmiyy, 1990. Bairut : Syarḥ al-Mufaṣṣal fī San'at al-I'rāb. Dār al-Gharb al-Islāmī. Juz 4, hlm 92-96
 2. Imam Badr al-Din Muhammad bin 'Abdillāh al-Zarkasyiyy, (Tanpa tarikh). Cairo : Al-Burhān fī 'Ulūm al-Qur'an. Maktabat Dār al-Turāth. Juz 3, hlm 415

Al-Zamakhshariyy pula berpendapat bahawa hā' al-Tanbīh berada di antara sifat dan yang disifatkan, tujuannya ialah untuk pengukuhan, dan hā' al-Tanbīh yang digabungkan dengan (أَيْ) dari segi fleksi berada pada kedudukan idafat (إِصْافَةٌ).⁽¹⁾

Setelah penulis meneliti, terdapat tiga belas ayat dalam surah al-Baqarah yang menggunakan pengukuhan dalam struktur ayatnya dengan hā' al-Tanbīh yang bersambung dengan perkataan (أَيْ). Semua ayat-ayat yang diimbuhkan dengan hā' al-Tanbīh ini mengandungi perkara-perkara penting yang berkaitan dengan akidah, ibadah, muamalah dan jinayah. Di antara ayat-ayat tersebut adalah seperti firman Allah s.w.t :

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اعْبُدُوا رَبَّكُمُ وَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَكُمْ تَقْوَى

Maksudnya : " Wahai sekalian manusia ! Beribadatlah kamu kepada tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dan orang-orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu (menjadi orang-orang yang) bertaqwa ".⁽²⁾

Dalam ayat di atas, Allah memberi peringatan kepada semua manusia supaya tidak melakukan penyembahan selain kepada-Nya. Oleh kerana perkara penyembahan ini adalah satu persoalan penting dalam kehidupan manusia, maka Allah perkuatkan seruannya dengan hā' al-Tanbīh supaya manusia tetap berjaga-jaga dan tidak mengabaikannya.

4.3 Imbuhan kata kerja

Kata kerja dalam bahasa Arab terbahagi kepada tiga kala, iaitu kala

-
1. Abū al-Qāsim Muhammad bin 'Umar al-Zamakhshariyy, (Tanpa tarikh) Bairut : Al-Kasasyāf. Dār al-Fikr. Juz 1, hlm 225-226
 2. Surah al-Baqarah 2 : 21

lampau, kala kini, kala akan datang, semua kala ini diderivasikan dari kata kerja kala lampau (فَعْلٌ مَّاضٍ). Kata kerja akan mengalami perubahan makna, sasaran dan fleksi yang disebabkan oleh dua faktor, iaitu pengulangan lafaz dan pengimbuhan partikel. Perubahan yang disebabkan oleh pengulangan lafaz telah dijelaskan dalam bab pengukuhan lafaz dahulu, maka di sini tidak perlu diulangkan lagi.

4.3.1 Imbuhan partikel kata kerja dalam surah al-Baqarah

Dalam surah al-Baqarah terdapat beberapa ayat kerjaan yang dikukuhkan dengan partikel. Partikel-partikel pengukuhan tersebut ada yang bertugas (memberi kesan ke atas fleksi kata kerja serta kalanya) dan sebaliknya, dan ada juga dari partikel-partikel tersebut yang terdiri dari gabungan dua partikel.

4.3.1.1 Immā (إِذَا)

Partikel immā ada yang terdiri dari satu perkataan yang mempunyai makna tertentu dan ada immā hasil dari gabungan dua partikel iaitu in al-Syarṭiyyat (إِنْ الشَّرْطِيَّة) dengan mā al-Zāidat (مَا الزَّائِدَةُ) atau mā tambahan.⁽¹⁾

(i). Immā imbuhan

Partikel immā di antara pengimbuhan yang digunakan dalam bahasa

1. Dr. 'Azizat Fawwal Babitiyy, 1992. Bairut : Al-Mu'jam Mufaṣṣal fī al-Nahw al-'Arabī. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyat. Juz 1, hlm 239

Arab tetapi ada immā yang boleh diimbuhkan pada kata nama & kata kerja dan ada immā yang khusus diimbuhkan pada kata kerja sahaja.

Partikel immā yang boleh diimbuhkan pada kata nama dan kata kerja ialah immā al-Ḥarfiyyat (إِمَّا الْحَرْفِيَّةُ),⁽¹⁾ seperti firman Allah s.w.t :

وَأَنزَلْنَا أَسْرَافَ الَّذِينَ هَاجَرُوا مِنْ دُونِ مَكَّةَ إِلَى الْيَمِينِ وَإِنَّا لَنَعْلَمُ مَا هُمْ فِيهَا يَفْعَلُونَ

Maksudnya : Dan golongan yang lain (dari orang-orang yang tidak turut berperang) ditempohkan keputusan mengenai mereka menunggu perintah Allah : Sama ada ia mengazabkan mereka atau ia menerima taubat mereka".⁽²⁾

Partikel immā dalam ayat di atas adalah immā al-Ḥarfiyyat yang diimbuhkan pada kata kerja, maknanya mengandungi ketidak pastian.

Firman Allah s.w.t :

إِنَّا هَدَيْنَاهُ السَّبِيلَ إِمَّا شَاكِرًا وَإِمَّا كَفُورًا

Maksudnya : “ (Kerana keadaan itu tidak mencukupi, maka) sesungguhnya kami telah menunjukkan kepadanya (melalui akal dan rasul) akan jalan-jalan (yang benar dan salah), (maka terserahlah kepadanya) sama ada ia bersyukur (dengan pemberian dan taat) atau pun ia berlaku kufur (dengan mengingkari kebenaran atau menjadi jahat) “. ⁽³⁾

Dalam ayat ini immā al-Ḥarfiyyat diimbuhkan pada kata nama yang mengandungi makna perincian.

-
1. Anṭuṣān Dahdah, 1993. Bainut : Muʿjam al-Nahw al-ʿArabī. Maktabat Lubnan, hlm 115.
 2. Surah al-Tauba 9 : 106
 3. Surah al-Insān 76 : 3

Kesimpulannya *immā al-Ḥarfiyyat* bukan untuk tujuan pengukuhan tetapi ia boleh membawa salah satu dari tiga makna iaitu perincian, keraguan dan pilihan. ⁽¹⁾

(ii). Imma pengukuhan

Partikel *immā* yang digunakan untuk pengukuhan ialah *immā* yang digabungkan daripada *in al-Syarṭiyyat* dengan *mā al-Zāidat*, ⁽²⁾ seperti firman Allah s.w.t :

فَإِذَا يَأْتِيَكُم مِّنْ هَٰذِهِ فَمَنْ تَبِعَ هَٰذَا فَلَا خَوْفَ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ

Maksudnya : " Kemudian jika datang kepada kamu petunjuk dari aku, maka sesiapa yang mengikuti petunjukku itu niscaya tidak ada kebimbangan (dari sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita ". ⁽³⁾

Partikel *immā* dalam ayat di atas adalah untuk tujuan pengukuhan, *immā* ini adalah gabungan dari *in al-Syarṭiyyat* dengan *mā al-Zaidat*. Bukti *in* yang menunjukkan *al-syarṭiyyat* ialah kerana terdapat huruf *fā'* (ف) pada perkataan *man* (مَن) sebagai jawab syarat kepada *in* (إِنْ).

Maka ayat di atas merupakan jaminan dari Allah bahawa seseorang yang berpegang dengan petunjuk Allah (al-Qur'an) mereka akan selamat dalam mengharungi kehidupan duniawi, akan disegani oleh musuh dan mendapat perlindungan abadi dari Allah s.w.t.

-
1. Dr. 'Azizat Fawwal Bābitiyy, 1992. Bairut : Al-Mu'jam al-Mufaṣṣal fī al-Naḥw al-'Arabī. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyat, Juz 1, hlm 239
 2. Dr. 'Abd al-'Āl Sālim Mukram, 1978. Bairut : Taṭbīqāt Naḥwiyyat wa Balāghiyyat. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyat, Juz 3, hlm 351
 3. Surah al-Baqarah 2 : 38

4.3.1.2 Lam (لَمْ)

Partikel lam dalam bahasa Melayu diterjemahkan dengan " tidak " yang menunjukkan bahawa ayat yang diimbuhkan oleh lam adalah untuk tujuan negatif. Partikel lam khusus untuk pengimbuhan kata kerja kala kini (فِعْلٌ مُضَارِعٌ), kata kerja kala kini akan berubah baik dari segi fizikal atau makna setelah diimbuhkan dengan lam.

(i). Perubahan fizikal

Kata kerja kala kini pada asalnya adalah nominatif tetapi setelah diimbuhkan dengan partikel lam keadaannya berubah menjadi majzum (مَجْزُومٌ),⁽¹⁾ seperti firman Allah s.w.t :

أَمْ لَمْ تُنذِرْهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ

Maksudnya : " Atau tidak diberi amaran, mereka tidak akan beriman ".⁽²⁾

Dalam ayat ini perkataan (تُنذِرْ) baris akhirnya sukūn (mati). Seandainya tidak ada partikel lam, maka baris akhir kata kerja ini adalah ḍammāt (baris hadapan). Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa partikel lam merupakan penyebab berlakunya perubahan fizikal kata kerja kala kini.

(ii). Perubahan makna

Kata kerja kala kini (فِعْلٌ مُضَارِعٌ) boleh digunakan untuk kala kini dan kala

1. Muṣṭafā al-Ghalāyiniyy, (Tanpa tarikh), Bairut : Jāmi' al-Durūs al-'Arabiyya, Al-Maktabat al-Aṣṣiyya, Juz 2, hln 189
2. Surah al-Baqarah 2 : 6

akan datang tetapi kebanyakannya digunakan untuk kala kini kecuali setelah diimbuhkan dengan partikel tertentu maka kata kerja ini akan berubah tunjukan maknanya mengikut pengimbuhan tersebut. Partikel lam di antara partikel-partikel yang dapat merubah kala fi^l muḍāri^c iaitu mengkhususkan kala fi^l muḍāri^c untuk masa lampau (زَمَنُ الْمَاضِي) yang belum begitu lama (قَرِيبٌ مِنَ الْخَالِ)⁽¹⁾ seperti firman Allah s.w.t :

فَمَنْ لَمْ يَجِدْ فَصِيَامُ ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ فِي الْحَجِّ وَسَبْعَةٍ إِذَا رَجَعْتُمْ

Maksudnya : " Kalau ia tidak dapat (mengadakan dam), maka hendaklah ia berpuasa tiga hari dalam masa mengerjakan haji dan tujuh hari lagi apabila kamu kembali ke tempat masing-masing)".⁽²⁾

Perkataan (يَجِدُ) adalah kata kerja kala kini tetapi setelah diimbuhkan dengan lam, maka kalanya berubah kepada kala lampau yang masih dekat dengan waktu pengujaran kerana jarak penafian mencari dam dengan mengerjakan haji adalah dalam waktu yang singkat.

4.3.1.3 Lan (لَنْ)

Partikel lan sama dengan lam dari segi makna (diterjemah kepada bahasa Melayu dengan *tidak* , tetapi dari segi tugas adalah berlainan. Lan berfungsi untuk mengakusatifkan kata kerja kala kini dan menafikan berlaku perkerjaan pada masa akan datang.⁽³⁾

1. Abū Muhammad ‘Abdullah Jamāl al-Dīn bin Hisyām, 1994. Bairut : Syarḥ Qaṭr al-Nadā wa Bal al-Ṣadā. Maktabat al-‘Aṣriyyat. Hlm 151
2. Surah al-Baqarah 2 : 196
3. Muṣṭafā al-Ghalāyiniyy, (Tanpa tarikh). Bairut : Jāmi‘ Durūs al-‘Arabiyyat. Al-Maktabat al-‘Aṣriyyat. Juz 1, hlm 127

Terdapat beberapa bentuk penafian kala akan datang yang digunakan dalam surah al-Baqarah :

(i). Masa dekat

Partikel *lan* digunakan untuk penafian masa akan datang tetapi dalam jarak waktu yang dekat, seperti firman Allah s.w.t :

وَإِذْ قُلْتُمْ يَا مُوسَى لَنْ نَصْبِرَ عَلَى طَعَامٍ وَاحِدٍ

Maksudnya : " Dan (kenangkanlah) ketika kamu berkata : Wahai Musa! Kami tidak sabar (sudah jemu) dengan makanan yang semacam sahaja ".⁽¹⁾

Dalam ayat ini perkataan (نَصْبِرَ) diimbuhkan dengan partikel *lan* untuk menafikan kala akan datang tetapi masa akan datang yang dinafikan adalah dekat dengan waktu pengujaran, kerana kaum bani Israil mengungkapkan ayat ini setelah mereka merasa jemu dengan makanan man (sejenis madu yang diturunkan dari langit) dan salwa (sejenis burung).⁽²⁾

(ii). Masa Jauh

Partikel *lan* juga digunakan untuk menafikan masa akan datang yang masih jauh, seperti firman Allah s.w.t :

1. Surah al-Baqarah 2 : 61
2. Dr. Wahbah al-Zuhailiyy, 1991. Bairut : Al-Tafsīr al-Munīr. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyat. Juz 1, hlm 175

وَقَالُوا لَنْ تَمَسَّنَا النَّارُ إِلَّا أَيَّامًا مَعْدُودَةً

Maksudnya : " Dan mereka berkata : Kami tidak akan disentuh oleh api neraka kecuali beberapa hari yang tertentu.⁽¹⁾

Kata kerja kala kini (تَمَسَّنَا) diimbuhkan dengan partikel lan untuk menafikan masa akan datang yang jauh kerana dalam ayat di atas menerangkan penafian azab neraka dan azab ini memakan masa yang sangatjauh.

(iii). Masa akan datang terhad

Kata kerja kala kini yang diimbuhkan dengan partikel lan untuk menafikan kala akan datang tetapi masa yang dinafikan itu bersifat terhad, seperti firman Allah s.w.t :

وَإِذْ قُلْتُمْ يَمْوِسِي لَنْ نُؤْمِنَ لَكَ حَتَّى نَرَى اللَّهَ جَهْرَةً

Maksudnya : " Dan (kenangkanlah) ketika kamu berkata : Wahai Musa ! Kami tidak akan beriman kepadamu sehingga kami dapat melihat Allah dengan terang (dengan mata kepala) ".⁽²⁾

Kala akan datang yang dinafikan oleh partikel lan tidak berterusan kerana terdapat selepas kata kerja (نُؤْمِنَ) terdapat ayat (حَتَّى نَرَى اللَّهَ), yang bererti penafian tidak berpanjangan walaupun perkara ini tidak akan berlaku⁽³⁾

1. Surah al-Baqarah 2 : 80

2. Ibid 2 : 55

3. Muhammad 'Alī al-Ṣabūniyy, 1976. Misr : Ṣafwat al-Tafāsir, Dār al-Ṣabūniyy. Jld 1, hlm 42

(iv). Masa akan datang tak terhad

Kata kerja yang diimbuhkan dengan partikel *lan*, menafikan masa akan datang secara berterusan tanpa batasan tertentu, seperti firman Allah s.w.t :

فَإِنْ لَمْ تَفْعَلُوا وَلَكِنْ تَفْعَلُوا فَاتَّقُوا النَّارَ الَّتِي وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ

Maksudnya : " Maka kalau kamu tidak dapat membuatnya, dan sudah tentu kamu tidak akan dapat membuatnya. Maka peliharalah diri kamu dari api neraka yang bahan bakarnya manusia dan batu-bata ".⁽¹⁾

Muhammad [°]Alī al-Ṣābūniyy menjelaskan bahawa partikel *lan* dalam ayat ini adalah untuk penafian kala akan datang yang berkekalan, bererti manusia selama-selamanya tidak akan dapat menyusun seperti susunan al-Qur'an walaupun satu ayat.⁽²⁾

4.3.1.4 Qad (قَدْ)

Partikel *qad* sebahagian dari partikel khusus untuk imbuhan kata kerja tetapi penggunaannya mempunyai beberapa syarat .⁽³⁾

(a). Kata kerja mutaṣarrif (فِعْلٌ مُتَصَرِّفٌ)

Partikel *qad* mesti diimbuhkan pada kata kerja mutaṣarrif iaitu kata kerja

-
1. Surah al-Baqarah 2 : 24
 2. Muhammad [°]Alī al-Ṣābūniyy, 1976. Misr : Ṣaḥīḥ al-Tafāsīr. Dār al-Ṣābūniyy. Jld 1, hlm
 3. [°]Abbās Hasan, (Tanpa tarikh). Cairo : Al-Naḥw al-Wāfī. Dār al-Ma'ārif. Hlm 53

yang boleh berubah, seperti (جَلَسَ) boleh berubah menjadi (اجْلَسْ , يجلس) dan sebagainya. Partikel *qad* tidak boleh diimbuhkan pada kata kerja *jāmid* (tidak berubah), seperti (بَسَّ , بَسَّ) dan sebagainya.

(b). Kata kerja positif

Kata kerja yang diimbuhkan oleh partikel *qad* mestilah kata kerja yang tidak diimbuhkan oleh partikel *nafī* kecuali dinafikan dengan partikel *lā* (لَ), tetapi penafian dengan *lā* yang dibolehkan ini hanya khusus bagi kata kerja kala kini sahaja. ⁽¹⁾

(c). Tidak diimbuhkan dengan *sīn* dan *saufa*

Kata kerja yang hendak diimbuhkan dengan partikel *qad* mestilah tidak diimbuhkan dengan partikel *sīn* (سِ) dan (سَوْفَ). ⁽²⁾

(d). Tidak terpisah

Partikel *qad* tidak boleh dipisahkan dengan kata kerja yang diimbuhkannya kecuali dipisahkan oleh *al-Qasam* (sumpah) dan partikel *nafī lā* (لَ).

Partikel *qad* mempunyai beberapa makna. Makna tersebut adalah seperti berikut : ⁽³⁾

1. Imīl Badī' Ya'qūb dan Misyāl 'Āṣi, 1987. Bairut : Al-Mu'jam al-Mufaṣṣal fī al-Lughat wa al-Adab. Dār al-ʿIlmi li al-Malāyin. Juz 2, hlm 975
2. Ibid. Juz 2, hlm 975
3. Dr. ʿAzizah Fawwal Bābitiyy, 1992. Bairut : Al-Mu'jam al-Mufaṣṣal fī al-Nahw al-ʿArabi. Dār al-Kutub al-ʿIlamiyyat. Juz 2, hlm 792-793

- | | |
|---|----------------------------|
| (a). Tawaqqu ^o (تَوَقَّعُ) | (d). Takthīr (تَكْثِيرُ) |
| (b). Taqrīb (تَقْرِيبُ) | (e). Taḥqīq (تَحْقِيقُ) |
| (c). Taqlīl (تَقْلِيلُ) | |

4.3.1.4.1 Qad dalam surah al-Baqarah

Dalam surah al-Baqarah terdapat sembilan belas ayat yang diimbuhkan dengan partikel *qad*, tetapi hanya satu ayat sahaja yang bermakna takthīr dan yang selainnya bermakna *taḥqīq*.

(i). Makna taḥqīq

Taḥqīq diterjemahkan dalam bahasa Melayu dengan " kepastian " kerana kandungan ayat selepasnya memang betul-betul berlaku. Partikel *qad* yang bermakna taḥqīq inilah yang digunakan untuk pengukuhan. Di antara ayat yang menggunakan *qad* bermakna taḥqīq adalah seperti berikut :

Firman Allah s.w.t :

قَدْ يَتْلُو كُمْ الْآيَاتِ الْقُرْآنَ يَعْلَمُونَ

Maksudnya : " Sesungguhnya kami telah pun menerangkan ayat-ayat keterangan (yang menjadi dalil dan bukti) kepada kaum yang mahu percaya dengan yakin ". ⁽¹⁾

1. Surah al-Baqarah 2 : 118

Ayat di atas adalah sebagai jawapan kepada orang-orang musyrikin kerana mereka minta bercakap langsung dengan Allah yang berkaitan dengan kebenaran nabi Muhammad s.a.w. Kalau tidak diberi peluang bercakap dengan Allah mereka akan meminta bukti lengkap tentang nabi Muhammad s.a.w. Maka ayat ini menunjukkan dalil dan bukti kerasulan nabi Muhammad s.a.w telah diberi dengan jelas dan mencukupi. Maka orang-orang musyrikin hendaklah tunduk dan mencukupi dengan dalil-dalil yang telah Allah berikan. ⁽¹⁾

Firman Allah s.w.t :

قَدْ عَلِمَ كُلُّ أُنَا مِنْ مَشْرِبِهِمْ

Maksudnya : " Sesungguhnya setiap satu puak (di antara mereka) telah mengetahui tempat minuman mereka masing-masing ". ⁽²⁾

Ayat ini menceritakan bahawa setiap puak kaum nabi Musa a.s memang mendapat tempat minuman dan tidak ada satu pun dari mereka yang disisihkan.

(ii). Makna takthīr

Takthīr ertinya " banyak ". Qad yang menggunakan makna takthīr, seperti firman Allah s.w.t :

قَدْ نَرَى تَقَلُّبَ وَجْهِكَ فِي السَّمَاءِ

-
1. Abū al-Qāsim Jārullah Muhammad bin ‘Umar al-Zamakhshariyy, (Tanpa tarikh). Bairut : Al-Kasasyāf. Dār al-Fikr. Juz 1, hlm 308
 2. Surah al-Baqarah 2 : 60

Maksudnya : " Kerap kali kami melihat engkau (wahai muhammad), berulang-ulang menadah ke langit ".⁽¹⁾

Partikel *qad* dalam ayat ini bermakna takthīr kerana nabi Muhammad banyak berdoa kepada Allah dalam masa enam belas bulan beliau berkiblat ke Masjid al-Aqṣā, tujuannya adalah supaya mendapat keizinan dari Allah untuk berkiblat ke Masjid al-Ḥarām.⁽²⁾

Untuk mengenali makna partikel *qad*, yang bermakna taḥqīq, takthīr, taqlīl dan sebagainya hanya dapat diketahui melalui uslūb atau struktur ayat yang diimbuhkannya.

4.3.1.5 Lām al-Qasam

Lām al-Qasam (lām bermakna sumpah) ialah lām imbuhan sebagai jawab kepada qasam dan berbaris di atas dengan syarat-syarat tertentu.

Sebenarnya lām al-Qasam bukanlah menjadi jawab qasam dalam ayat yang diimbuhkannya, tetapi istilah lām al-Qasam adalah untuk memudahkan mengingat atau peristilahan sahaja. Yang paling tepat lām ini diistilahkan dengan lām imbuhan pada jawab qasam.

Abū Bakar Ahmad memberi dua syarat untuk membolehkan penggunaan lām al-Qasam dalam ayat :⁽³⁾

-
1. Surah al-Baqarah 2 : 144
 2. Sa'īd Iḥawā, 1991. Misr : Al-Asās fī al-Tafsīr. Dār al-Salām. Juz 1, hlm 299
 2. Abū Bakr Ahmad bin Hasan, 1987. Bairut : AL-Muḥallā fī Ujūh al-Naṣb. Muassasat al-Risālat. Hlm 231

(a). Didahului oleh lām al-Syarṭiyyat (لَامُ الشَّرْطِيَّةِ)

Lām al-Syarṭiyyat ialah lām yang bersambung dengan in al-Syarṭiyyat, lām ini juga diistilahkan dengan lām al-Muwatṭi'at (لَامُ الْمُوَاطَّئَةِ) atau lām al-Mu'zinat (لَامُ الْمُؤْزِنَةِ), kerana pengimbuhanannya untuk menjelaskan bahawa kata kerja selepasnya menjadi jawab qasam pada anggapan (جَوَابُ الْقَسَمِ الْمُقَدَّرِ) dan bukan menjadi jawab kepada in al-Syarṭiyyat, seperti firman Allah s.w.t :

لَئِنْ لَمْ تَنْتَهِ لَنَسْفَعًا بِالنَّاصِيَةِ

Maksudnya : " Demi sesungguhnya jika ia tidak berhenti (dari perbuatannya yang buruk itu), nescaya kami akan menyentap ubun-ubun (menyeretnya ke dalam neraka)".⁽¹⁾

Lām yang diimbuh pada kata kerja (نَسْفَعًا) adalah lām imbuhan jawab qasam kerana sebelumnya terdapat in al-Syarṭiyyat. Jawab qasam ialah kata kerja (نَسْفَعًا). Tugas lām al-Qasam dalam ayat ini adalah untuk memberi penegasan tentang ancaman keras kepada orang-orang yang mendustai dan mengingkari kerasulan nabi Muhammad s.a.w dan mereka betul-betul akan diheret ke dalam neraka.⁽²⁾

(b). Qasam tersembunyi

Kata kerja boleh diimbuh dengan lām al-Qasam tanpa didahului oleh in al-Syarṭiyyat dengan syarat dalam ayat itu menyembunyikan qasam (إِضْمَارٌ الْقَسَمِ), seperti firman Allah s.w.t :

1. Surah al-'Alaq 96 : 15

2. Sayyid Quṭb, 1971. Bairut : Fī Zilāl al-Qur'an. Ihyā' al-Turāth al-'Arabī. Juz 7, hlm 205

لَتُبْلَوْنَ فِي أَمْوَالِكُمْ وَأَنفُسِكُمْ

Maksudnya : " Demi sesungguhnya, kamu akan diuji dengan harta dan diri kamu ".⁽¹⁾

Partikel lām pada kata kerja (تُبْلَوْنَ) adalah lām imbuhan jawab al-Qasam pada anggapan iaitu (وَاللَّهِ).

4.3.1.5.1 Lām al-Qasam dalam surah al-Baqarah

Setelah diteliti didapati dalam surah al-Baqarah hanya terdapat lām al-Qasam yang menyembunyikan *qasam* sahaja, tetapi kata kerja yang diimbuhkannya terdiri daripada dua genus yang berlainan :

(i). Kata kerja mutaṣarrif

Pengimbuhan lām al-Qasam pada kata kerja mutaṣarrif (kata kerja boleh berubah), ada yang tanpa pemisah di antara lam al-Qasam dengan kata kerja dan sebaliknya.

(a). Di antara ayat yang menggunakan lām al-Qasam tanpa pemisah dengan kata kerja, seperti firman Allah s.w.t :

1. Surah Āli ‘Imrān 3 : 186

وَلَنَجْذِبَهُمْ أَجْرَضَ النَّاسِ عَلَى حَيَاةٍ وَمِنَ الَّذِينَ أَشْرَكُوا

Maksudnya : " Demi sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) akan dapati mereka itu seloba-loba manusia kepada hidup lama, dan (loba mereka kepada hidup itu) melebihi loba orang-orang kafir musyrik ".⁽¹⁾

Lām al-Qasam dalam ayat ini ialah lām yang diimbuhkan pada kata kerja (تَجِدَنَّ), tetapi qasamnya tersembunyi iaitu (وَاللَّهِ).⁽²⁾

(b). Lām al-Qasam terpisah dari kata kerja dengan partikel qad (قَدْ) dan qasam tersembunyi, seperti firman Allah s.w.t :

وَلَقَدْ عَلِمُوا لَمَنِ اشْتَرَاهُ مَا لَهُ فِي الْآخِرَةِ مِنْ خَلَائِقٍ

Maksudnya : " Dan demi sesungguhnya mereka (kaum Yahudi itu) telah mengetahui bahawa sesiapa yang memilih ilmu sihir tidaklah lagi mendapat bahagian yang baik di akhirat ".⁽³⁾

Partikel lām yang bersambung dengan partikel qad dalam ayat ini adalah lām sebagai jawab qasam, iaitu (وَاللَّهِ) yang tersembunyi sebelum lām.

Al-Zarkasyiyy menjelaskan untuk mengetahui qasam yang tersembunyi adalah dengan dua cara, iaitu terdapat lām qasam dalam ayat dan melihat kepada makna ayat. Qasam disembunyikan atau dibuang dalam al-Qur'an kerana dua sebab.⁽⁴⁾

1. Surah al-Baqarah 2 : 96

2. Lihat dalam perbincangan nūn al-Taukīd nanti

3. Surah al-Baqarah 2 : 102

4. Imam Badr al-Din Muhammad bin 'Abdillāh al-Zarkasyiyy, (Tanpa tarikh). Cairo : Al-Burhān fī 'Ulūm al-Qur'an. Maktabat Dār al-Turāth. Juz 3, hlm 43-44

(1). Untuk meringkaskan ayat

(2). Kerana telah diketahui oleh orang yang mendalami isi al-Qur'an.

(b). Kata kerja tidak berubah

Kata kerja tidak berubah (فعل جامد) yang diimbuhkan oleh lam al-Qasam, dalam surah al-Baqarah hanya terdapat satu jenis sahaja, iaitu (بُئْسَ), seperti firman Allah s.w.t :

فَحَسْبُ جَهَنَّمَ وَلِبِئْسَ الْمِهَادُ

Maksudnya : " Oleh itu padanlah ia (menerima balasan azab) neraka jahanam, dan demi sesungguhnya (neraka jahanam itu) adalah seburuk-buruk tempat tinggal ".⁽¹⁾

Pengimbuhan lām al-Qasam dalam ayat ini adalah satu penegasan bahawa neraka jahanam memang betul-betul dahsyat dan azab di dalamnya memang menakutkan.

4.3.1.6 Nūn al-Taukīd (نُونُ التَّوَكِيدِ)

Nūn al-Taukīd adalah partikel imbuhan di belakang kata kerja untuk kala akan datang yang terdiri daripada fi'ī muḍāri' dan fi'ī amr sahaja. Ahli nahu Arab membahagikan nūn al-Taukīd kepada nūn al-Taukīd al-Thaqīlat (نُونُ التَّوَكِيدِ) iaitu nūn yang berbaris syaddat (ثَّ) dan nūn al-Taukīd al-Khafīfat (نُونُ) iaitu nūn yang berbaris mati (ن).⁽²⁾

1. Surah al-Baqarah 2 : 206

2. Al-Qāsim bin al-Husn, 1990. Bairut : Syarḥ al-Mufaṣṣal fī San'āt al-l'arāb. Dār al-Gharb al-Islamī. Ilm 183

Pengimbuhan *nūn al-Taukīd* dilakukan apabila situasi dan keadaan memang perlu kepada pengukuhan, kerana pengimbuhan dengan *nūn al-Taukīd al-Khafīfat* sama dengan mengulang kata kerja satu kali dan imbuhan dengan *nūn al-Taukīd al-Thaqīlat* sama dengan mengulang kata kerja dua kali.⁽¹⁾

(i). Imbuhan wajib

Pada dasarnya *nūn al-Taukīd* merupakan partikel tambahan (زَائِدَةٌ) yang tidak mencatatkan makna jika *nūn* ini tidak diimbuhkan dalam ayat, tetapi dalam keadaan tertentu pengimbuhan *nūn al-Taukīd* diwajibkan dan ayat dianggap tidak sempurna jika kata kerja ini tidak diimbuhkan dengan *nūn* ini. Pengimbuhan wajib ini khusus pada *fiʿl muḍāʿirī* sahaja tetapi dengan beberapa syarat yang telah digariskan, seperti berikut :⁽²⁾

- (a). Bersambung dengan qasam
- (b). Ayat hendaklah positif
- (c). *Fiʿl muḍāʿirī* mestilah kala akan datang
- (d). Diimbuh dengan *lām al-Qasam*
- (e). Tidak dipisah antara qasam dengan *lām al-Qasam*

AL-Qāsim menjelaskan bahawa *nūn al-Taukīd* yang diimbuhkan pada *fiʿl muḍāʿirī* mestilah kala akan datang dan membawa makna permintaan (طَلَب). Untuk memastikan *fiʿl muḍāʿirī* itu menunjuk kepada kala akan datang

¹ Imam Dadr al-Dīn Muhammad bin ʿAbdillāh al-Zarkasyiyy, (Tanpa tarikh) Bairut : AL-Burhān fī ʿUlūm al-Qurʿan, Dār al-Fikr. Juz 2, hlm 419
² ʿAlī Ridā, (Tanpa tarikh). Bairut : Al-Marjaʿ fī al-Lughat al-ʿArabiyyat Nahwiha wa Sharfiha. Dār al-Syarq al-ʿArabi. Juz 3, hlm 108

maka hendaklah terdapat sebelum fi'ī muḍāri' qasam (sumpah), amr (imperatif), nahī (larangan), istifhām (kata tanya), 'arḍ (sindiran) dan tamannī (harapan).⁽¹⁾

Contoh pengimbuhan nūn al-Taukid wajib, seperti firman Allah s.w.t :

وَتَاللّٰهِ لَا يَكِيْدُنَّ اَصْنَاكُمْ

Maksudnya : " Dan demi Allah! Aku akan jalankan rancangan terhadap berhala-berhala kamu ".⁽²⁾

(ii). Imbuhan harus

Fi'ī muḍāri' dan amr yang tidak terdapat syarat-syarat pengimbuhan nūn al-Taukid wajib di atas kecuali bahagian "c" (Untuk kala akan datang), nūn al-Taukid boleh diimbuhkan pada kedua-dua kata kerja ini dan sebaliknya, seperti (أَنْصُرَنَّ).⁽³⁾

(iii). Imbuhan larangan

Kata kerja kala akan datang tidak boleh diimbuhkan dengan nūn al-Taukid apabila terdapat pemisah di antara qasam dengan lām al-Qasam, seperti :

تَاللّٰهِ اِنَّكَ لَتَفْعَلَنَّ مَا تَرْيَدُ

1. Al-Qāsim bin al-Husain 1990. Bairut : Syarḥ al-Mufaṣṣal fī San'at al-I'rāb. Dār al-Gharb al-Islamī. Hlm 185-186
2. Surah al-Anbiyā' 21 : 57
3. 'Alī Ridā, (Tanpa tarikh). Bairut Al-Marja' fī al-Lughat al-'Arabiyyat. Dār al-Syarq al-'Arabī. Juz 3, hlm 108

Maksudnya : " Demi Allah! Sesungguhnya engkau akan melakukan apa yang engkau ingini ".

4.3.1.6.1 Nūn al-Taukīd dalam surah al-Baqarah

Nūn al-Taukīd al-Khafīfat₂ tidak terdapat dalam surah al-Baqarah, malah dalam al-Qur'an keseluruhannya hanya terdapat dua tempat sahaja kata kerja yang diimbuhkan dengan nūn ini, iaitu dalam surah Yūsuf 12 : 32 dan surah al-^cAlaq 89 : 15.

Berkaitan dengan nūn al-Taukīd al-Thaqīlat₂ dalam surah al-Baqarah terdapat enam kata kerja yang diimbuhkan dengan nūn ini, perinciannya adalah seperti berikut :

(a). Imbuhan wajib

Sebagaimana yang telah dijelaskan di atas tadi bahawa fi^cl mudāri^c wajib diimbuhkan dengan nūn al-Taukīd al-Thaqīlat₂ apabila telah memenuhi beberapa syarat. Setelah diteliti terdapat dua ayat dalam surah al-Baqarah yang memenuhi syarat pengimbuhan wajib, dan kedua-dua ayat tersebut menyembunyikan qasam, seperti firman Allah s.w.t :

وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرًا مِّنْ أَمْرِ السَّاعَةِ عَلَىٰ حَيَاتِهِمُ مِنَ الَّذِينَ أَشْرَكُوا

Maksudnya : " Demi sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) akan dapati mereka itu seloba-loba manusia kepada hidup lama, dan (lobanya mereka kepada hidup itu) melebihi loba orang-orang kafir musyrik ".⁽¹⁾

1. Surah al-Baqarah 2 : 96

Firman Allah s.w.t :

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِنَ الْخَوْفِ

Maksudnya : " Demi sesungguhnya, kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) ".⁽¹⁾

Pengimbuhan nūn al-Taukīd al-Thaqīlat yang terdapat pada kata kerja (نَبْلُوَنَّ) dan (نَبْلُونَا) dalam dua ayat di atas adalah dimestikan kerana bersambung di antara qasam dengan lam al-Qasam tetapi qasam pada dua kata kerja ini tersembunyi atau pada anggapan, iaitu (وَاللَّهِ)⁽²⁾

(b). Imbuhan harus

Terdapat empat ayat dalam surah al-Baqarah menggunakan nūn al-Taukīd untuk pengukuhan tetapi pengimbuhan nun ini dikategorikan dalam imbuhan harus, di antara ayat tersebut seperti berikut ;

Firman Allah s.w.t :

فَلَمَّا يَأْتِيَنَّكُمْ مِنِّي هُدًى

Maksudnya : " Kemudian jika datang kepada kamu petunjuk daripada aku ".⁽³⁾

Nūn al-Taukīd yang terdapat pada kata kerja (يَأْتِيَنَّ) adalah imbuhan harus kerana terdapat satu syarat yang tidak membolehkannya sebagai imbuhan wajib iaitu qasam, dan syarat-syarat imbuhan wajib yang lain wujud dalam ayat ini, seperti (لَمَّا) adalah menempati lām al-Qasam.⁽⁴⁾

1. Surah al-Baqarah 2 : 155

2. Mahmud Ṣōfī, 1990. Bairut : I'rab al-Qur'an wa Ṣarfuh wa Bayānuh. Dār al-Rasyīd . Juz 2, hlm 312

3. Surah al-Baqarah 2 : 38

4. Al-Qāsim bin al-Husin 1990. Bairut : Syarḥ al-Mufaṣṣal fī San'at al-I'rab. Dār al-Gharb al-Islāmī. Juz 2, hlm 186

Firman Allah s.w.t :

فَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ

Maksudnya : " Maka janganlah kamu mati melainkan kamu dalam keadaan Islam ".⁽¹⁾

Pengimbuhan nūn al-Taukid dalam ayat ini sama dengan ayat sebelumnya tadi, tetapi sedikit kelainan terdapat dalam ayat ini iaitu kata kerja didahului oleh partikel nahī (larangan) yang menunjukkan bahawa kata kerja adalah untuk kala akan datang.

Al-Qurtubiy mengistilahkan ayat di atas ini dengan " ringkas lagi indah " (إِنِّجَازٌ بَلِیْغٌ), kerana ia menuntut semua manusia supaya berpegang teguh dengan ajaran islam dan jangan sekali-kali meninggalkannya hingga ke akhir hayat.⁽²⁾

4.3.1.7 Sīn (سین)

Fi'l muḍāri' sebahagian dari kata kerja yang tidak kurang pentingnya dalam proses pembentukan ayat kerana ia boleh digunakan untuk dua kala iaitu kala kini dan kala akan datang kecuali setelah diimbuh dengan partikel tertentu yang mengkhusus fi'l muḍāri' untuk kala lampau, kini dan akan datang. Di antara partikel yang mengkhusus kala fi'l muḍāri' untuk kala akan datang ialah partikel sīn.

1. Surah al-Baqarah 2 : 132

2. Dr. Ibrahim Anis dan kawan-kawan. 1972. Cairo : Al-Mu'jam al-Wasit. Lembaga Bahasa. Juz 1, hlm 510. Dan 'Usman bin Jinni. op.cit, hlm 60

Dalam surah al-Baqarah terdapat dua bentuk *uslūb* ayat kerjaan yang menggunakan kata kerja *fi'l muḍāri'* dan diimbuhkan dengan partikel *sīn* :

(a). Makna *māḍī* (kala lampau)

Terdapat satu ayat dalam surah al-Baqarah yang menunjukkan struktur fizikal ayat *fi'l muḍāri'* untuk kala akan datang kerana diimbuh dengan partikel *sīn* tetapi maknanya adalah untuk masa lampau, seperti firman Allah s.w.t :

سَيَقُولُ السُّفَهَاءُ مِنَ النَّاسِ مَا وَلَّاهُمْ عَنْ قِبَلِهِمُ الَّذِي كَانُوا عَلَيْهِ

Maksudnya : "Orang-orang bodoh (yang kurang akal pertimbangannya) akan berkata : Apa sebabnya yang menjadikan orang-orang Islam berpaling kiblat yang mereka menghadapnya selama ini? ".⁽¹⁾

Perkataan (يَقُولُ) adalah *fi'l muḍāri'* tetapi dalam konteks ayat ini ia mengandungi makna kala lampau kerana turun ayat ini selepas orang-orang Yahudi menghina nabi Muhammad s.a.w disebabkan nabi berkiblat ke Masjid al-Harām. Sungguhpun demikian pengimbuhan partikel *sīn* memberi penjelasan bahawa orang-orang Yahudi tetap memperhina kiblat umat Islam dari dahulu hingga akan datang.⁽²⁾

(b). Kala akan datang

Dalam surah al-Baqarah terdapat dua ayat kerjaan yang tersusun dari *fi'l*

1. Surahal-Baqarah 2 : 142

2. Muhammad bin Ahmad al-Qurṭubīyy, 1952. Bairut : Al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'an. Dār al-Qalam. Juz 2, hlm 136

mudāri^c membawa makna kala akan datang kerana diimbuhkan dengan **partikel sīn**. Dua ayat tersebut adalah seperti berikut :

Firman Allah s.w.t :

فَسَيَكْفِيكَهُمُ اللَّهُ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

Maksudnya : “ Oleh itu (janganlah engkau kkuatir wahai Muhammad) kerana Allah akan memelihara (dan umatmu) dari kejahatan mereka, dan dialah jua yang amat mendengar lagi amat mengetahui “. ⁽¹⁾

Setelah Allah jelaskan bahawa orang-orang Yahudi yang tidak beriman dengan isi kandungan al-Qur'an dan nabi Muhammad s.a.w, mereka akan menjadi musuh kepada baginda dan umat-Nya, lalu Allah berikan satu jaminan bahawa nabi dan umat-Nya akan mendapat perlindungan dari kejahatan dan kekejaman orang-orang Yahudi, akan tetapi pertolongan itu tidak secara seponatan. Kepastian jaminan Allah ini berdasarkan kepada imbuhan **partikel sīn** pada kata kerja (يَكْفِي) yang mengkhusus kala fi'l mudāri^c kepada **kala** akan datang dan juga sebagai pengukuhan makna kata kerja. ⁽²⁾

Firman Allah s.w.t :

عَلِمَ اللَّهُ أَنَّكُمْ سَتَذْكُرُونَهُنَّ

Maksudnya : “ Allah mengetahui kamu akan menyebut (atau mengingat) mereka “. ⁽³⁾

1. Surah al-Baqarah 2 : 137

2. Mahmud Şōfi, 1990. Bairut : l'fāb al-Qur'an wa Şarfuh wa Bayānuh. Dār al-Rasyīd. Juz 1, hlm 279

3. Surah al-Baqarah 2 : 235

Peranan *ṣīn* pada kata kerja ini sebagai penjelasan bahawa seseorang akan teringat selalu kepada seorang perempuan yang pernah ia keluarkan kata sindiran untuk meminangnya. Justeru itu al-Zamakhshariyy berpendapat bahawa seseorang yang mengeluarkan kata sindiran untuk meminang seorang perempuan yang masih dalam idah kerana kematian suaminya, seseorang itu pasti akan menyebut dan mengingat perempuan tadi selepas kata sindiran itu diujarkan. ⁽¹⁾

4.4 Imbuhan kata nama & kata kerja

Dalam tatabahasa Arab terdapat beberapa partikel yang boleh digunakan untuk pengukuhan kata nama & kata kerja. Partikel-partikel ini ada yang *zāidat* (tambahan) dan sebaliknya, ada yang menjadi tambahan kerana bergabung dengan partikel lain. Kerana kedudukannya dalam ayat dan ada pula yang menjadi tambahan kerana *ṣamāʿiyy* (dengan cara mendengar ujaran dari orang Arab).

Terdapat beberapa partikel dalam surah al-Baqarah yang boleh digunakan untuk pengukuhan kata nama & kata kerja.

4.4.1 *Mā al-Zāidat* (مَا الزَّائِدَةُ)

Partikel *mā* ada beberapa jenis, di antaranya ialah kata nama, huruf, *zāidat* dan partikel tugas. ⁽²⁾

-
1. Muhammad bin ʿUmar al-Zamakhshariyy, (Tanpa tarikh). Bairut : Al-Kasasyāf. Dār al-Fikr. Juz I, hlm 373
 2. Jalāl al-Din al-Sayūṭiyy, 1979. Bairut : Al-Itqān fī ʿUlūm al-Qurʿan. Juz I, hlm 176.

Partikel mā yang digunakan untuk pengukuhan ialah mā al-Zāidat. Ada beberapa sebab partikel mā menjadi zāidat, di antaranya ialah :⁽¹⁾

- (a). Bergabung dengan partikel jar, iaitu min (مِنْ), 'an (عَنْ), kāf (كَاف), rubba (رَبُّ) dan bā' (بَاء).
- (b). Bergabung dengan partikel inna dan kelompoknya
- (c). Bersambung dengan partikel syarat
- (e). Berada di tengah ayat

4.4.1.1 Mā al-Zāidat dalam surah al-Baqarah

Dalam surah al-Baqarah terdapat tiga ayat yang diimbuhkan dengan mā al-Zāidat :

(i). Mā di tengah ayat

Mā dikategorikan sebagai zāidat kerana perkataan sebelum dengan selepas mā mempunyai kaitan yang kuat dari segi fleksi dan makna, seperti firman Allah s.w.t :

إِنَّ اللَّهَ لَا يَسْتَحْيِي أَنْ يَضْرِبَ مَثَلًا مَا بَعُوضَةٌ فَمَأْفُوقَهَا

Maksudnya : " Sesungguhnya Allah tidak malu membuat perbandingan apa sahaja, (seperti) nyamuk hingga kesesuatu yang lebih daripadanya (kerana perbuatan itu ada hikmahnya) ".⁽²⁾

1. Imam Badr al-Din Muhammad bin 'Abdillah al-Zarkasyiyy, (Tanpa tarikh). Cairo : Al-Burhān fī 'Ulūm al-Qur'an. Juz 3, hlm76-77
2. Surah al-Baqarah 2 : 26

Partikel mā yang selepas perkataan (مَثَلًا) adalah mā al-Zāidat kerana terletak di antara dua kata nama yang difleksikan sebagai badl (بَدَل) iaitu perkataan (بَعُوضَةٌ) dan mubdal (مُبْدَل) iaitu perkataan (مَثَلًا). Walaupun ada dikalangan ahli nahu berpendapat bahawa mā dalam ayat ini bukan mā al-Zāidat dan memfleksikan sebagai sifat kepada (مَثَلًا) tetapi majoriti ahli nahu dari aliran Basrah bersependapat bahawa mā di atas adalah mā al-Zāidat. ⁽¹⁾

Firman Allah s.w.t :

بَلْ لَعَنَهُمُ اللَّهُ بِكُفْرِهِمْ فَقَلِيلًا مَّا يُؤْمِنُونَ

Maksudnya : " Bahkan Allah telah melaknatkan mereka disebabkan kekufuran mereka, oleh itu maka sedikit benar mereka yang beriman ". ⁽²⁾

Partikel mā dalam ayat ini adalah mā al-Zāidat kerana berada selepas perkataan (قَلِيلًا) ⁽³⁾ atau berada di tengah ayat iaitu (قَلِيلًا) dan (يُؤْمِنُونَ) yang difleksikan sebagai sifat dan mausūf (yang disifatkan). ⁽²⁾ Dengan pengukuhan ini jelaslah bahawa bilangan orang-orang Yahudi yang beriman adalah sangat sedikit.

(ii). Berada selepas partikel syarat

Mā al-Zāidat yang berada selepas partikel syarat iaitu (إِذَا), seperti firman Allah s.w.t :

وَلَا يَأْبَ الشُّهَدَاءُ إِذَا مَا دُعُوا

1. Imam Badr al-Din Muhammad bin 'Abdillah al-Zarkasyiyy, (Tanpa tarikh) Cairo : Al-Burhān fī 'Ulūm al-Qur'an. Juz 3, hlm 77
2. Surah al-Baqarah 2: 88
3. Dr. Imil Badī Ya'qūb dam Misyal 'Āṣi, 1987. Bairut : Al-Mu'jam al-Mufaṣṣal fī al-Lughat wa al-Adab. Dār al-'Ilmi li al-Malāyīn. Juz 2, hlm 1096
4. Imam Badr al-Din Muhammad bin 'Abdillah al-Zarkasyiyy, op.cit. Juz 3, hlm 77

Maksudnya : " Dan janganlah saksi-saksi itu enggan apabila mereka dipanggil (menjadi saksi) ".⁽¹⁾

Pengukuhan dengan mā al-Zāidat dalam ayat ini menegaskan bahawa seseorang yang menjadi saksi mesti hadir apabila diminta memberi keterangan.⁽²⁾

(iii). Bergabung dengan inna

Partikel mā (مَ) dan inna (إِنَّ) apabila digabungkan, kedua-duanya menjadi zāidat (tambahan) yang diistilahkan dengan (كَائِفَةٌ وَمَكْفُوفَةٌ).⁽³⁾ Ahli retorik mengistilahkan dengan partikel ḥaṣr (أَدَاةُ الْحَصْرِ), kerana ia memberi penjelasan bahawa kandungan ayat selepasnya menunjuk kepada sesuatu yang khusus.⁽⁴⁾ Partikel mā apabila berpisah dengan inna, mā bukan zāidat lagi tetapi ia adalah mā al-Maṣdariyyat (مَا الْمَصْدَرِيَّةُ).⁽⁵⁾

Dalam surah al-Baqarah terdapat enam ayat dikukuhkan dengan mā yang bergabung dengan inna, empat pada ayat namaan dan dua diimbuh pada ayat kerjaan.

(i). Diimbuh pada ayat namaan

Ayat-ayat namaan yang diimbuhkan dengan partikel mā yang bergabung dengan inna terdiri daripada dua sitil yang berlainan :

-
1. Dr. 'Azizah Fawwal, 1992. Bairut : Al-Mu'jam al-Mufaṣṣal fī al-Nahw al-'Arabī. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyat. Hlm 906
 2. Dr. Wahbah al-Zuhailiyy, 1991. Bairut : Al-Tafsīr al-Munīr. Dār al-Fikr al-Mu'aṣṣir. Juz 3, hlm 120
 3. Dr. 'Azizah Fawwal, 1992. op.cit. Juz 1, hlm 273
 4. Al-Sayyid Ahmad al-Hāsyimiyy 1960. Cairo: Jawāhir al-Balāghat. Al-Maktabat al-Tijāriyyat al-Kubrā. Hlm 179-181
 5. Khubrān Mas'ūd, 1992. Bairut : Al-Rā'id Mu'jam Lughawī 'Aṣrī. Dār al-'Ilmi li al-Malāyin. Hlm 702

(a). Subjek kata ganti nama

Ada tiga ayat yang berkaitan dengan subjek kata ganti nama, di antaranya adalah seperti firman Allah s.w.t :

قَالُوا إِنَّمَا نَحْنُ مُصْلِحُونَ

Maksudnya : " Mereka berkata : Sesungguhnya kami orang-orang yang hanya membuat kebaikan ".⁽¹⁾

Dalam ayat ini selepas mā al-Zāidaṭ adalah kata ganti nama yang difleksikan sebagai subjek iaitu perkataan (نَحْنُ). Pengukuhan dalam ayat ini menjelaskan bahawa orang-orang munafiq memang suka berkata dengan perkataan yang indah didengar oleh orang-orang Islam, tetapi tujuan sebaliknya adalah semata-mata untuk memperolok-olokkan sahaja.⁽²⁾

(b). Subjek kata nama nyata, seperti firman Allah s.w.t :

قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا

Maksudnya : " Mereka berkata : Bahawa sesungguhnya berjual beli itu hanya seperti riba ".⁽³⁾

Selepas mā al-Zāidaṭ dalam ayat di atas adalah kata nama nyata yang difleksikan sebagai subjek iaitu perkataan (الْبَيْعُ). Ayat ini menceritakan pengakuan orang-orang musyrikin yang menyamakan jual beli dengan riba. Untuk menyatakan memang jual beli itu betul-betul sama dengan riba maka

1. Surah al-Baqarah 2 : 11

2. Sa'īd Ḥawā, 1991. Cairo : Al-Asās fī al-Tafsīr. Dār al-Salām. Juz 1, hlm 71

3. Surah al-Baqarah 2 : 275

dikukuhkan ayat dengan *mā* yang digabung dengan *inna*, kerana penggabungan dua partikel ini ayat akan lebih kukuh.⁽¹⁾

(ii). Diimbuh pada ayat kerjaan

Ayat kerjaan yang diimbuhkan dengan *mā* yang digabungkan dengan *inna* hanya terdiri daripada kata kerja kala lampau dan kala kini sahaja. Setelah diteliti dalam al-Qur'an tidak terdapat kata kerja imperatif yang diimbuhkan dengan gabungan dua partikel ini,

-(a). Kata kerja kala lampau

Kata kerja kala lampau yang diimbuh dengan *mā al-Zāidaṭ*, seperti firman Allah s.w.t :

إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالدَّمَ وَلَحْمَ الْخَنَازِيرِ وَمَا أُهْلَ بِهِ لِغَيْرِ اللَّهِ

Maksudnya : " Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, darah, daging babi dan binatang-binatang yang disembelih tidak kerana Allah ".⁽²⁾

Perkataan (حَرَّمَ) adalah kata kerja kala lampau, diimbuh dengan partikel *mā al-Zāidaṭ* yang bergabung dengan *inna*. Tujuannya adalah untuk memastikan bahawa bangkai, darah, daging babi dan binatang-binatang yang disembelih yang bukan kerana Allah adalah diharamkan sama sekali kerana benda-benda tersebut dikategori sebagai najis ringan dan berat.⁽³⁾

1. 'Abd al-Rahman Hasan, 1996. Damsyiq : Al-Balāghat al-'Arabiyyat, Juz 1, hlm 190

2. Surah al-Baqarah 2 : 173

3. Dr. Wahbah Al-Zuhailiy, 1989 . Bairut : Al-Fiqh al-Islamī wa Adiltuh. Dār al-Fikr. Juz 1, hlm 166

(b). Kata kerja kala kini

Kata kerja kala kini yang sebelumnya terdapat partikel mā al-Zāidat, seperti firman Allah s.w.t :

إِنَّمَا يَأْمُرُكُمْ بِالسُّوءِ وَالْفَحْشَاءِ وَأَنْ تَقُولُوا عَلَى اللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ

Maksudnya : “ Ia (syaitan) hanya menyuruh kamu melakukan kejahatan, perkara-perkara yang keji dan supaya kamu berkata (dusta) terhadap Allah apa yang kamu tidak ketahui (salah benarnya) “. ⁽¹⁾

Dalam ayat ini perkataan (يَأْمُرُ) adalah kata kerja kala kini yang diperkukuhkan dengan mā al-Zāidat bergabung dengan inna. Pengimbuhan ini menjelaskan kepada manusia bahawa syaitan memang serius melaksanakan tugas-tugasnya yang tersebut dalam ayat tadi, kerana imbuhan penggabungan mā dengan inna menegaskan bahawa kenyataan selepasnya memang akan berlaku. ⁽²⁾

4.4.2 Lā al-Zāidat

Partikel lā (لَ) ada yang berfungsi sebagai kata tugas (الْأَدَاةُ النَّاسِجَةُ) bermakna nafi, ada lā yang tidak berfungsi tetapi masih bermakna nafi dan ada yang kewujudannya dalam ayat hanya sebagai tambahan (زَائِدَةٌ). ⁽³⁾

1. Surah al-Baqarah 2 : 269

2. ‘Abd al-Qāhir al-Jarjāniyy, 1994. Bairut : Dalā’il al-I‘jāz. Dār al-Ma‘rifat . Hlm 217

3. Dr. Ibrahim Anis dan kawan-kawan, 1972. Cairo : Al-Mu‘jam al-Wasīf. Lembaga Bahasa Arab. Juz 2, hlm 810

Lā al-Zāidat_ ialah /ā yang tidak mempunyai fungsi terhadap fizikal ayat yang diimbuhkannya dan juga tidak bermakna tetapi kewujudannya dalam ayat hanya untuk pengukuhan atau taukid.⁽¹⁾

(i). Imbuhan kata nama

Dalam surah al-Baqarah terdapat dua jenis kata nama yang diimbuhkan dengan lā al-Zāidat_ iaitu kata nama khusus dan umum.

Kata nama khusus yang diimbuh dengan lā al-Zāidat_, seperti firman Allah s.w.t :

مَا يُودُّ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ وَلَا الْمُشْرِكِينَ
أَنْ يُنْزَلَ عَلَيْكُمْ مِنْ خَيْرٍ مِنْ رَبِّكُمْ

Maksudnya : " Orang-orang kafir dari ahli kitab dan juga orang-orang musyrik tidak suka kiranya diturunkan kepadamu sedikit dari kebaikan (atau wahyu) dari tuhan kamu.⁽²⁾

Perkataan (الْمُشْرِكِينَ) adalah kata khusus, sebelumnya terdapat lā al-Zāidat_.⁽³⁾

Kata nama umum yang diimbuhkan dengan lā al-Zāidat_ seperti firman Allah s.w.t :

-
1. Al-Qāsim bin al-Husin, 1990. Bairut : Al-Mufaṣṣal fī San'at al-I'rāb. Dār al-Gharb al-Islamī. Hlm 111
 2. Surah al-Baqarah 2 : 105
 3. Mahmud Ṣōfī, 1990 . Bairut : I'rāb al-Qur'an wa Ṣarfuh wa Bayānuh. Dār al-Rasyīd. Juz 1, hlm 224

مَا لَكَ مِنَ اللَّهِ مِنْ وَلِيٍّ وَلَا نَصِيرٍ

Maksudnya : " Maka tiadalah engkau akan peroleh dari Allah (sesuatu pun) yang dapat mengawal dan memberi pertolongan kepadamu.⁽¹⁾

Dalam ayat ini perkataan (نَصِير) adalah kata nama umum, yang sebelumnya terdapat *lā al-Zāidat*.⁽²⁾

Tujuan diimbuhkan *lā al-Zāidat* adalah untuk mengelak salah tafsiran berlaku kepada pendengar, kerana jika seseorang berkata :

مَا جَاءَ نِيَّ زَيْدٌ وَعُمَرُو

(Tidak datang kepada saya Zaid dan °Amru)

Ayat ini boleh mengelirukan pendengar kerana ia boleh membawa dua interpretasi yang berlainan. Pertama, " *Zaid dan °Amru tidak datang kedua-duanya* ". Kedua, " *Zaid dan °Amru tidak datang serentak tetapi datang berasingan*". Kedua-dua tafsiran ini boleh diterima dalam bahasa Arab. Tetapi keadaannya berlainan jika seseorang berkata :

مَا جَاءَ نِيَّ زَيْدٌ وَلَا عُمَرُو

Ayat ini membawa satu tafsiran sahaja iaitu " *Zaid dan °Amru, kedua-duanya tidak datang* ".⁽³⁾

1. Surah al-Baqarah 2 : 120

2. Mahmud Šōfi, 1990. Bairut : *l'arab al-Qr'an wa Šarfuh wa Bayānuh*. Dār al-Rasyīd. Juz 1, hlm 250

3. Al-Qāsim bin al-Husin, 1990. Bairut : *Šarḥ al-Mufaššal fī San'at al-l'arab*. Dār al-Gharb al-Islāmī. Hlm 117

Begitu juga dengan ayat (أَهْلَ الْكِتَابِ وَلَا الْمُشْرِكِينَ), bahawa pengukuhan dengan lā al-Zāida menunjukkan " orang-orang kafir dan orang-orang musyrik sama-sama membenci nabi Muhammad s.a.w. Dan ayat (وَلِيٍّ وَلَا نَصِيرٍ) menjelaskan, " perlindungan dan pertolongan " dari Allah tidak akan diperolehi seandainya nabi Muhammad mengikut kehendak orang-orang Yahudi dan kristian.

(ii). Imbuhan kata kerja

Partikel lā al-Zāida dalam surah al-Baqarah diimbuhkan pada kata kerja kala kini, seperti firman Allah s.w.t :

إِنَّهَا بَقَرَةٌ لَا ذَلُولَ تُثِيرُ الْأَرْضَ وَلَا تَسْقِي الْحَرْثَ

Maksudnya : " Sebenarnya (lembu yang dikehendaki itu) ialah lembu betina yang tidak pernah digunakan untuk membajak tanah(sawah bendang) dan tidak pula (digunakan untuk mengangkut air) menjirus tanaman ". ⁽¹⁾

Lā al-Zāida yang dimaksudkan dalam ayat ini ialah lā yang diimbuhkan pada kata kerja (تَسْقِي). ⁽²⁾

4.4.2.1 Mengenal lā al-Zāida

Untuk mengenal lā al-Zāida ialah dengan merujuk atau melihat kepada makna ayat. Jika partikel lā dibuang atau ditiadakan dalam ayat, maka ayat tersebut masih dapat difahami oleh pendengar dan tujuan pengujar tidak

1. Surah al-Baqarah 2 : 71

2. Muhammad bin 'Umar al-Zamakhshariyy, (Tanpa tarikh). Bairut : Al-Kasasyāf . Dār al-Fikr. Juz 1, hlm 288

berubah. Ini bererti partikel *lā* dalam ayat itu adalah *lā* al-Zāidat, tetapi jika berlaku sebaliknya, maka partikel *lā* bukan tambahan.⁽¹⁾ Oleh kerana itu Muhyi al-Din menjelaskan bahawa imbuhan *lā* dalam dua ayat namaan di atas tadi iaitu (وَلَا الْمُشْرِكِينَ) dan (وَلَا نَصِيرَ) jika ia bukan susunan al-Qur'an partikel *lā* boleh dibuang.⁽²⁾

Setelah diteliti tentang kebanyakan partikel *lā* yang menjadi tambahan adalah kerana dua sebab, iaitu :

- (a). Di dahului oleh partikel *naḥī* atau makna *naḥī*
- (b). Berada di antara partikel *ʿaṭf* dan *maʿṭūf*⁽³⁾

4.4.3 Alā (أَلَا)

Partikel *alā* yang menjadi pengukuh kepada kata nama dan kata kerja ialah *alā* al-Tanbīh (أَلَا النَّبِيَّ) atau *alā* al-Istiftāḥ (أَلَا الْإِسْتِفْتَاَحَ).⁽⁴⁾

Alā al-Tanbīh jika diterjemahkan dalam bahasa Melayu bererti " ingat-ingat ", kerana peranannya adalah untuk mengingatkan pendengar bahawa yang diujarkan selepasnya pasti akan berlaku. *Alā* al-Istiftāḥ pula tidak bermakna

1. ʿAbd al-Rahman Hasan, 1996. Damsyiq : Al-Balāghat al-ʿArabiyyat. Dār al-Qalam. Juz 1, hlm 192
 2. Muhyi al-Din al-Darwisy, 1988. Damsyiq : Iʿrāb al-Qurʿan al-Karīm. Al-Yamāmat. Juz 1, hlm 163
 3. Al-Farrāʾ tidak mensyaratkan berada di antara partikel *ʿaṭf* dan *maʿṭūf*. Lihat Al-Qāsim bin Al-Husin, 1990. Bairut : Syarḥ al-Mufaṣṣal fī Sanʿat al-Iʿrāb. Dār al-Gharb al-Islāmī. Juz 1, hlm 117
 4. Ibid. Juz 4, hlm 91-92

dan kebanyakannya berada di awal ayat, dan *alā* al-Istiftāḥ adalah hasil gabungan dari hamzat al-Istifhām (هَمْزَةُ الْإِسْتِفْهَامِ) dengan *lā* al-Nāfiyat (لَا النَّافِيَةِ).

Tujuannya ialah untuk menjelaskan kepada pendengar bahawa sesuatu yang diujar itu pasti akan berlaku,⁽¹⁾ seperti firman Allah s.w.t :

أَلَا إِنَّهُمْ هُمُ الْمُفْسِدُونَ وَلَكِنْ لَا يَشْعُرُونَ

Maksudnya : " Ketahuilah ! Bahawa sesungguhnya mereka itulah orang-orang yang sebenarnya membuat bencana dan kerosakan, tetapi mereka tidak menyedarinya ".⁽²⁾

Partikel *alā* dalam ayat di atas boleh diistilahkan dengan *alā* al-Tanbīh dan *alā* al-Istiftāḥ. Tujuan pengimbuhanannya adalah untuk pengukuhan kerana ia menjelaskan bahawa orang-orang yang munafiq betul-betul perosak dimuka bumi ini.⁽³⁾

Penulis mendapati bahawa kebanyakan partikel *alā* yang digunakan untuk pengukuhan diikuti selepasnya dengan partikel *inna* (إِنَّ), seperti ayat di atas tadi dan ayat ke-13 dalam surah al-Baqarah. Susunan seperti ini juga terdapat dalam surah-surah lain, seperti firman Allah s.w.t :

أَلَا إِنَّ لِلَّهِ مَا فِي السَّمُوتِ وَالْأَرْضِ أَلَا إِنَّ وَعْدَ اللَّهِ حَقٌّ

-
1. Imam Badr al-Dīn Muhammad bin ʿAbdillāh al-Zarkasyīy, (Tanpa tarikh). Bairut : Al-Burhān fī ʿUlūm al-Qurʿan. Dār al-Fikr . Juz 2, hlm 416
 2. Surah al-Baqarah 2 : 12
 3. Muhammad Ṭāhir bin ʿĀsyūr, 1997 . Tunis : Tafsīr al-Taḥrīr wa al-Tanwīr, Dār Sahnūn. Juz 1, hlm 285-2288

Maksudnya : " Ingatlah ! Sesungguhnya segala yang ada di langit dan di bumi adalah kepunyaan Allah. Ingatlah ! Sesungguhnya janji Allah itu adalah benar-".⁽¹⁾

Al-Qurṭubīyy menjelaskan bahawa partikel *alā* dalam ayat ini membawa makna (*إِنِّيهِمْ مَا أَقُولُ لَكُمْ*), ertinya " ingatlah kamu apa yang akan aku katakan kepada kamu ".⁽²⁾ Ini menunjukkan bahawa *alā* di sini adalah *alā* al-Tanbīh.

-
1. Surah Yūnus 10 : 55
 2. Muhammad bin Ahmad al-Qurṭubīyy, 1952. Bairut : Al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'an. Dār al-Qalam. Juz 8, hlm 163